

17 APR 2002

Mahathir-Palestin/I

M'SIA SEDIA HANTAR TENTERA DAN MULA KEMPEN DIPLOMATIK BAGI PALESTINE

Oleh: Mohd Arshi Daud dan Khairdzir Yunus

RABAT (MAHGIRIBI), 17 April (Bernama) -- Malaysia sedia menghantar tenteranya ke Palestin jika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memutuskan untuk menghantar pasukan tentera pengaman untuk menghentikan pertempuran antara warga Palestin dan tentera Israeli, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu.

Beliau berkata, banyak negara kini berpendapat tentera pengaman PBB diperlukan di Palestin untuk memisahkan kedua-dua pihak itu tetapi pendapat itu telahpun diutarakan oleh Malaysia sebelum ini dan ia ditolak khasnya oleh Israel dan Amerika Syarikat.

Semasa berucap di satu sesi dialog bersama para cendekiawan, kumpulan bijak pandai dan ahli-ahli Parlimen Mahgiribi beliau berkata dunia berbelah bahagi berhubung isu Palestin.

"Negara-negara Eropah tidak suka dengan apa yang dilakukan oleh Ariel Sharon (Perdana Menteri Isreali)," katanya.

Sehinggakan Jerman, yang rasa bersalah dengan pembunuhan beramai-ramai kaum Yahudi semasa Perang Dunia Kedua kini mula mengutuk Isreal dan telah menghentikan bantuan senjata ke negara itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia bukan sahaja sedia membantu Palestin dengan menghantar tentera ke situ tetapi juga akan menjalankan kempen diplomatik untuk mendapatkan sokongan bagi negara itu.

"Saya agak yakin jika kesemua kita melakukan perkara yang sama, kita akan dapat capai kemajuan dalam mencari penyelesaian," kata beliau.

Beliau juga berkata tindakan mempertahankan diri oleh rakyat Palestin termasuk tindakan pengebom berani mati tidak wajar dikutuk kerana ia adalah tindakan terdesak untuk mempertahankan diri mereka.

"Tetapi kita tidak boleh kata perbuatan pengebom berani mati ini bukan tindakan keganasan. Alasannya dapat diterima kerana tiada jalan lain," kata beliau.

Perdana Menteri berkata jika dunia mahu menamatkan keganasan, ia mesti menghentikan kekejaman Isreal terhadap rakyat Palestin.

Dalam mencari jalan untuk menyelesaikan konflik di Palestin, Dr Mahathir berkata apa sahaja yang boleh perlu dilakukan.

"Hari ini, masalah yang kita hadapi bersama Israel ialah ia telah menjadi sebuah negara kuasa besar dan disokong oleh sebuah lagi negara kuasa besar yang lebih kurang sama (Amerika Syarikat)," katanya.

Mengenai hal lain, Dr Mahathir berkata Malaysia mendapat penghormatan dunia walaupun ia tidak bercita-cita untuk menjadi pemimpin Islam dunia, tetapi sebagai sedikit sumbangan kepada Malaysia.

"Jika orang berpendapat Malaysia adalah contoh yang baik, cubalah contohnya dalam apa carapun. Tetapi apa yang kami cuba buktikan di Malaysia ialah Islam bukan penghalang kepada pembangunan," kata beliau.

Dr Mahathir menambah kata Malaysia mencapai kestabilan dan oleh itu warga Islam di negara itu dapat hidup aman damai bukan sahaja di kalangan mereka tetapi juga bersama bukan Islam.

Sementara itu pada sesi pertemuan dan dialog dengan penuntut-penuntut Malaysia di sini, Dr Mahathir berkata beliau turut membincangkan isu Palestin dalam pertemuannya dengan Raja Maghribi Raja Mohammed VI pada Selasa di Agadir, bandar peranginan di tepi Lautan Atlantik di Selatan Maghribi.

Perdana Menteri berkata beliau dijadualkan melawat Amerika Syarikat bulan depan dan Raja Maghribi itu juga bercadang untuk ke negara itu dan

kerana itu mereka membincangkan soal Palestin supaya kedua-dua negara negara itu boleh membawa pendirian yang sama dalam pertemuan mereka dengan Presiden George W.Bush nanti.

Dr Mahathir berkata beliau juga akan membincangkan isu yang sama dengan pemimpin Libya, Muammar Gaddafi nanti. Perdana Menteri akan melawat Libya dan Baharin selepas Mahgribi.

-- BERNAMA

MAD KHY PR